

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN, PEMANGKU TIMBALAN
PRESIDEN UMNO DAN TIMBALAN PERDANA MENTERI,
MALAYSIA, SEMASA MERASMIKAN PERHIMPUNAN
AGUNG TAHUNAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN
PERGERAKAN WANITA UMNO, DI DEWAN SEMINAR,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, PADA HARI JUMAAT,
20 HB JUN 1975. JAM 9.00 PAGI.

" PERPADUAN MENGATASI CABARAN "

Assalamualaikum Warahn atullahi Wabarakatuh.

Saudara Pengerusi Majlis

Saudara Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan

Saudara Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia,

Saudara-saudara Ahli Majlis Kerja Tertinggi,

Saudara dan Saudari,

Para Perwakilan Sekelian.

Dengan limpah kurnia Tuhan yang Maha Kuasa, saya
bersyukur ke Hadrat Allah kerana dapat bersama-sama hadir pagi ini
untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda
UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Yang Ke 24.

2. Penghormatan yang diberikan kepada saya tahun ini
adalah kali kedua, semenjak saya diamanahkan menjadi Pemangku Timbalan
Presiden Parti Kita, UMNO. Oleh yang demikian, saya mengucapkan
terimakasih kepada semua pihak di atas keyakinan dan pandangan
yang begitu tinggi dan sangat bermakna kepada diri saya. Sesuai
dengan semangat dan amanah itu, saya dengan penuh kesedaran dan
merendah diri berikrar, selagi khidmat dikehendaki saya akan terus
menbulatkan tekad, memadu semangat untuk memenuhi amanah suci
membela kebenaran dan menegakkan keadilan, demi kepentingan agama
parti dan negara kita, Malaysia.

Saudara-saudara,

3. Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO pagi ini yang diikuti oleh Perhimpunan Agung UMNO, esok diadakan dalam suasana dan gelora politik, dalam dan luar negeri, yang telah mencipta sejarah. Saya sifatkan demikian kerana di dalam negeri Barisan Nasional telah memenangi Pilihanraya Nasional 1974, dengan cemerlang dan seterusnya berjaya mengekalkan Kerajaan. Malaysia sedang melalui arus pembangunan dan kemajuan yang pesat. Kita juga memasuki phase baru perkembangan nasionalisma yang agak luas tafsirannya, yang liberal dan penuh bertanggungjawab. Di luar negeri pula, khasnya di Indo China, kita menyaksikan percaturan politik yang sangat deras arusnya dan mengubah peta dunia rantau ini. Rakyat di negara-negara tersebut sedang mengalami perubahan besar dalam struktur politik dan memulakan satu sistem pemerintahan baru. Di pandang dari segi ini, peristiwa-peristiwa itu dalam hubungannya dengan politik dunia, mempunyai makna yang dalam.

4. Di samping itu, kita menyaksikan negara-negara ASEAN berusaha mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi rantau ini, menuju kepada tercapainya matlamat menjadikan Asia Tenggara Rantau Aman, bebas dan berkecuali. Kita juga menyaksikan usaha memupuk dan menstabilkan kedudukan politik dan ekonomi Dunia. Insya Allah, perubahan itu diharapkan memberi manfaat kepada kita dan umat dunia, seluruhnya.

5. Mengambil kesempatan ini, saya inginlah mengucapkan selamat datang kepada saudara-saudara sekalian. Marilah kita berdoa semoga usaha, tujuan dan hasrat kita untuk membangun, menperkukuh dan menghadapi cabaran parti dan negara di berkati Allah. Marilah kita memohon supaya kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah Nya untuk memberi pimpinan, bukan sahaja kepada ahli parti, tetapi juga kepada seluruh masyarakat Malaysia, yang berbilang bangsa ini.

Saudara-saudara,

6. Saya amat berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Pergerakan Wanita UMNO, khasnya pada memberi pimpinan dan panduan kepada ahlinya. Dalam hubungan ini, inginlah saya mengucapkan tahniah kepada Y.B. Saudari Aishah Ghani serta Ahli Jawatankuasanya yang telah berjaya meletakkan Pergerakan Wanita atas landasan yang kukuh selaras dengan semangat Tahun Wanita Antara-bangsa.

7. Aktiviti Pergerakan Wanita mencerminkan kematangan pimpinan, kekuatan serta kebulatan tekad ahlinya dalam memberikan semangat baru kepada Pergerakan. Rancangan mengadakan kursus supaya pentadbiran Pergerakan berjalan dengan tersusun, sangatlah baik. Demikian juga projek korporasi usahajaya wanita sangat berguna dalam meninggikan taraf ekonomi wanita. Saya berharap Pergerakan Wanita terus membuktikan, dari masa ke semasa, bahawa ahlinya mempunyai kebolehan, kemampuan berfikir dan bergerak yang boleh dimegahkan, dalam semua lapangan.

8. Saya juga ingin memuji Pergerakan Wanita yang telah mempelupuri usaha menyusun Undang-Undang Mengenai Poligami dan Cerai, yang sekarang dalam peringkat pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu serta Kerajaan. Ini bererti Pergerakan Wanita mempunyai pandangan luas bukan sahaja menumpukan usaha terhadap kepentingan parti, tetapi bergerak untuk kebahagiaan masyarakat wanita, di samping mendukung martabat agama, kebesaran bangsa dan negara. Inisiatif seperti inilah patut dijalankan oleh Pergerakan Wanita dengan penuh kesedaran supaya kaum wanita benar-benar merupakan satu komponen yang mempunyai keyakinan, berpendirian dan keperibadiannya sendiri. Semoga dengan daya usaha seperti ini, Pergerakan Wanita tetap dipandang oleh seluruh wanita di negara ini, sebagai lambang pimpinan, payung berlindung serta tempat mendapat pimpinan agar meluhurkan lagi daya pemikiran, budi dan Ruhani Wanita, dalam kehidupan politik, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan nilai agama dan moral bangsa kita.

Saudara sekalian,

9. Beralih kepada Pergerakan Pemuda pula, saya ingin memberikan tahniah kepada saudara, Y.A.E. Datuk Harun dan Ahli Jawatankuasanya yang telah memberikan pimpinan berkualiti dan meletakkan asas Pergerakan Pemuda pada peringkat yang kuat pada hari ini.

10. Usaha Pergerakan Pemuda, di beberapa lapangan, terutama sekali mengadakan kursus pimpinan di peringkat negeri dan pusat sangatlah memberi kesan. Saya yakin, hasil daripada kursus itu akan mendorong Pergerakan Pemuda ke arah matlamat yang lebih berkesan dan lebih bermutu lagi.

11. Pada keseluruhannya, pemimpin pemuda telah menunjukkan kematangan fikiran, sikap dan keazaman yang lebih kuat pada menghadapi masalah parti dan masyarakat. Saya ingin mengulangi penghargaan bahawa Pergerakan Pemuda dan Wanita sentiasa memainkan peranan penting, dalam parti dan masyarakat kita. Kedudukan ini mestilah dikekalkan dan diperkuatkan supaya Pergerakan di peringkat bahagian dan cawangan, sentiasa menjadi tenaga penggerak dan pendorong dalam erti kata yang sebenarnya.

Saudara sekalian,

12. Saya diberitahu dari rumusan kursus yang diadakan bahawa pemuda dan mungkin juga wanita merasa gelisah dengan apa yang disifatkan ' halangan ' atau ' sekatan ' yang dikenakan ke atas mereka, terutama pada memperjuangkan nasib rakyat, yang patut mendapat perhatian parti dan Kerajaan. Terus terang saya tegaskan bahawa pucuk pimpinan parti tidak mengadakan apa-apa sekatan. Tidak ada tekanan, ke atas sesiapa. Apa yang mungkin berlaku, pada hemat saya, adalah sejajar dengan garis falsafah politik parti, seperti yang ditegaskan dalam amanat Allahyarham Tun Dr. Ismail
"Bahawa Pergerakan Pemuda, sebagai badan yang bertanggungjawab dalam parti, patutlah menyuarakan setiap pandangan dan fikiran mereka kepada pimpinan parti, menurut saluran tertentu" Seterusnya beliau menegaskan " Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi

pressure group dalam parti kerana lazimnya, di bawah demokrasi, pressure group hanya datang dari pihak pembangkang." Hakikat ini, tetap menjadi panduan tindakan semua peringkat UMNO, pada masa ini, dan pada masa-masa yang akan datang.

13. Dalam pada itu, saudara-saudara, saya ingin menegaskan bahawa angkatan muda UMNO - the younger generation - tidak harus merasakannya diri mereka terkongkong. Tidak harus memikirkan mereka tersekat. Mereka tidak perlu melayan pendapat bahawa pimpinan UMNO seluruhnya tidak ingin mereka bangun menpelupuri masalah masyarakat dan negara. Sebenarnya, UMNO sebagai parti yang luhur, yang flexible, mampu menerima dan menampung tenaga perjuangan muda dan lama. Sanggup menempatkan tenaga perjuangan, sesuai dengan bakat dan mutu kecekapan mereka. Perasaan seperti ini, tidak patut ada pada pemuda dan wanita. Sebaliknya, pemuda dan wanita, sebagai angkatan penerus atau warisan pimpinan parti dan zaman, tidak patut menghapuskan nilai-nilai abadi, yang telah dibina dan diperjuangkan oleh angkatan 'lama'. Cahaya lilin yang lembut, patut juga dihargai kerana sekian lama ia telah berjasa menerangi sudut-sudut yang gelap dalam perjuangan di negara kita. Seajar dengan ini, parti dan Kerajaan tetap menghargai sumbangan, usaha dan fikiran pemuda dan wanita dalam apa juga lapangan, dalam apa juga masalah. Hal ini telahpun dibuktikan dan akan terus dilaksanakan.

Saudara sekalian,

14. Seperti yang sering dikatakan, pemuda dan wanita yang bertanggungjawab, yang ingin berbakti, pemuda dan wanita yang sanggup berkorban jiwa raga, harus menanyakan pada diri masing-masing, iaitu Apakah balasan parti dan negara terhadap khidmat kami. Tetapi sebaliknya, apakah usaha yang patut kami sumbangkan supaya setiap gerak langkah, segenap kegiatan yang dikenai bangkan, mesti bererti membina organisasi dan ideologi parti, menguatkan susunan dan merapatkan barisan dalam parti. Pemuda dan Wanita tidak akan berhenti berfikir, mencari bentuk yang lebih sempurna, mengembangkan

kreasi atau daya cipta yang lebih baik, serta cara menyusun diri yang lebih sempurna supaya terus menjadi katalis dalam susunan perjuangan. Tanyakanlah pada diri masing-masing setiap kali dan setiap hari. Dan saya percaya, setiap pejuang angkatan baru Pemuda dan Wanita yang berkecimpung dalam UMNO, sebagai satu organisasi yang utuh akan mewajibkan dirinya berkorban dalam organisasi, bukan organisasi dikorbankan untuk kepentingan diri sendiri.

Saudara sekalian,

15. UMNO, bersama-sama dengan parti-parti dalam Perikatan, telah memperjuangkan kemerdekaan. Dan kemerdekaan negara telah kita capai dengan kerjasama serta sokongan semua rakyat. Tugas kita, ahli parti dan rakyat di negara ini, ialah menjamin bahawa kemerdekaan itu bukan suatu objektif kosong. Kemerdekaan mesti diisi, kerana rakyat yang menyokong kita mengharapkan nikmat dan faedah daripada kemerdekaan tersebut. Ini berupa tugas berat, yang menuntut keberanian dan keperwiraan yang memerlukan perpaduan dari semua golongan rakyat Malaysia - - - Perpaduan Tenaga perpaduan tujuan, perpaduan hasrat, perpaduan keazaman, dan lebih penting dari itu perpaduan mengatasi semua cabaran. Untuk itu, saya tidak sangsi lagi bahawa Barisan Pemuda dan wanita akan berserta menyanggupkan diri mereka menjadi Barisan hadapan.

Saudara-saudara,

16. Kita sedang melalui proses pembangunan demi memberikan kehidupan yang sempurna kepada rakyat. Dalam proses ini, kita menghadapi realiti politik kerana kesedaran rakyat, harapan dan aspirasi rakyat kian memuncak. Disinilah letaknya tugas kita. Disini jugalah timbulnya dilemma kita, andaikata apa yang dilakukan tidak memenuhi matlamat yang sebenar. Saya percaya cabaran ini mendapat respon atau sambutan dari barisan Pemuda dan Wanita kita.

Saudara-saudara sekalian,

17. Setelah 18 tahun merdeka, parti kita UMNO telah menghadapi beberapa cabaran. Pada ketika ini, cabaran itu lebih mendesak kerana adanya pengaruh baru yang merupakan kesan atau

"impact" modenisasi, ke atas masyarakat kita, khasnya orang-orang Melayu. Pemimpin UMNO, termasuk ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita, mendapati diri mereka berhadapan dengan cabaran baru itu. Selagi manusia bersifat manusia, pergolakan jiwa atau batin, pergolakan dalam masyarakat, pergolakan dalam negara, akan terus berlaku. Tetapi kejayaan hanya tercapai, bukan dengan mengundurkan diri. Tetapi melibatkan diri kita, menghadapi dan menentang segala cabaran itu dengan dada yang terbuka, dan semangat yang kuat, untuk mengatasinya. Kejayaan hanya tercapai bagi mereka yang benar-benar jujur dan berkemampuan menghadapi cabaran ini. Kejayaan akan tercapai selagi kita mempunyai strategi berjuang dan tatatertib menyusun diri.

18. Pada masa ini dalam keadaan pembangunan yang pesat di negara kita, ada aktiviti yang dijalankan berbentuk penyelewengan. Penyelewengan yang saya maksudkan ialah perbuatan setengah ahli parti yang keluar dari landasan perjuangan iaitu mengutamakan kepentingan diri. Penyelewengan juga berbentuk penglibatan setengah ahli politik dalam perbuatan rasuah. Penyelewengan juga berlaku dalam bantuan Kerajaan kepada rakyat. Penyelewengan seperti ini jika tidak dibasmi boleh terus menerus berlaku dan menjadi perkara yang kekal. Tugas penting bagi kita ialah memastikan bahawa penyelewengan ini dibongkar dan didedahkan tanpa mengira siapa melakukannya - si kancil atau naga. Dengan penyelewengan ini, maka masanya sudah tiba bagi kita mengkaji semula kedudukan. Pendeknya, kita perlu mengkonsolidisasi kedudukan kita. Kita tidak mampu membiarkan penyelewengan terus menerus berlaku. BSN sedang memperhebatkan lagi kegiatan dan tindakannya. Kami pemimpin parti dan Kerajaan tidak ragu-ragu meneruskan tindakan tegas bagi membendung perbuatan ini, supaya ia tidak menjadi cancer yang menggoncangkan kesetabilan dan perpaduan negara ini. Kita tidak rela penyelewengan itu menjelma sebagai kuman politik atau political decadence, kerana kita memiliki pertubuhan untuk berjuang dan perjuangan yang berlandaskan pertubuhan.

19. Untuk mencapai matlamat memberi faedah kepada rakyat, agensi Kerajaan telah ditubuhkan dengan banyaknya. Pemimpin UMNO dan pegawai kanan Kerajaan telah diletakkan di tempat tertentu dengan tugas melaksanakannya dengan jujur. Sememang sifat manusia, mereka mempunyai kelemahan. Tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan mengapa matlamat kerajaan tidak boleh dicapai kerana negara kita masih mampu mengeluarkan punca kewangan, tenaga terlatih dan dedikasi. Saya ingin mengingatkan orang-orang yang diberi tanggungjawab ini supaya tidak menghampakan amanah rakyat. Negara tidak mampu melihat keadaan di mana bagi mencapai sesuatu matlamat, terpaksa mengambil masa yang lama. Oleh yang demikian, kita akan menggerakkan segala tenaga dan segala saluran untuk membaiki kelemahan, demi kepentingan negara umumnya.

20. Malaysia, pada zahirnya, mengamalkan dasar perdagangan bebas. Dasar ini dipersetujukan sebagai muslihat merebut kemerdekaan. Sekalipun demikian, kita yakin, perkara ini boleh mencapai kejayaan dan perimbangan, jika semua pihak menjadikan keselamatan dan perpaduan negara, sebagai matlamat akhir, dan tidak hanya menitik-beratkan keuntungan dan kepentingan diri. Dari perangkaan yang ada, masih terdapat sebahagian sektor swasta yang belum menunjukkan kejujuran sepenuhnya bagi memberi kesan yang mendalam untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Saya ingin menegaskan bahawa pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru hendaklah diletakkan di keruncak, sebagai perkara utama. Kerajaan berazam bertindak untuk mencapai tujuan ini, sebelum rakyat jelata mencanangkan rasa kehampaan mereka. Wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan hendaklah sentiasa waspada. Mereka hendaklah menjadi jentera Kerajaan secara positif untuk memastikan segala rancangan yang telah dibentuk dan disetujui dilaksanakan menurut rencana bagi mencapai matlamatnya dan berjalan dengan lancar dan licin.

Saudara sekalian,

21. Di dalam pilihanraya nasional yang lalu, kita sudah berjanji kepada rakyat, Kita berikrar akan tunaikan janji-janji itu. Kerajaan yang didukung oleh UMNO, sebagai komponen Barisan

Nasional akan sentiasa mengekalkan kedudukannya supaya Kerajaan tetap membawa kesejahteraan dan keadilan kepada rakyat. Kerajaan dan parti akan memastikan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga, masalah kemiskinan terutama bagi penduduk-penduduk luar bandar akan dijadikan tumpuan utama.

22. Tahun ini hendaklah kita sifatkan sebagai "Period of Consolidation and Review", atau mengukuhkan kedudukan dan mengulangkaji pencapaian matlamat kita. Kerajaan, bersama-sama rakyat akan terus bergerak setelah mendalami peringkat pencapaian matlamat kita. Saya sedar adanya Pemuda dan Wanita UMNO yang telah mengeluarkan rasa "Frustr" atau keciwa mereka terhadap jurang antara pengumuman menteri-menteri dan pencapaian pelaksanaan projek Kerajaan. Mereka menyuarakan rasa keciwa terhadap jentera pelaksanaan dan faedah yang benar-benar dinikmati oleh rakyat. Mereka juga kurang puas dengan bentuk nasionalisme Melayu sekarang sebagai asas UMNO, dan mendakwa sebagai satu perkara yang sudah luntur dan lapuk. Mereka ini mahu ideologi baru sebagai landasan perjuangan, sesuai dengan aliran zaman. Di samping itu mereka juga menyatakan kemajuan yang dijalankan sekarang begitu pesat, sehingga bumiputra telah tertinggal dan tercicir di belakang.

Saudara sekalian,

23. Mungkin sedikit sebanyak dari perasaan ini tidak boleh dinafikan sama sekali. Namun saudara-saudara haruslah faham bahawa dalam mencapai kemajuan, kita terpaksa mengharungi jalan yang penuh dengan ranjau dan rintangan. Seringkali berlaku pertentangan kepentingan - conflict of interest. Dalam negara yang baru merdeka, seperti Malaysia, aspirasi rakyat naik menjulang. Proses pembangunan sentiasa diikuti dengan "rising expectation" di mana hasrat dan aspirasi rakyat melambung lebih tinggi dari pencapaian dan kemampuan kita sendiri. Manakala aspirasi rakyat merupakan hasrat yang tidak ada batasannya, tetapi dalam menggerakkan tenaga untuk pelaksanaan kita ada pembatasan - batasan kepada beberapa faktor, seperti sumber kewangan. Namun demikian,

kita tidak akan undur. Kita tidak akan biarkan realiti pahit ini.
Kita tidak akan memperjual-belikan prinsip dalam perjuangan kita
ini. Kita tidak sekali-kali meninggalkan tanggungjawab kita.
Bahkan apa yang diharapkan dari Pemuda dan Wanita ialah
mempertinggikan rasa tanggungjawab itu.

24. Di samping itu, adalah menjadi cita-cita Kerajaan mencapai kemajuan jasmani, selaras dan seiring dengan kemajuan rohani dan moral yang tinggi. Sebagai parti yang mendukung Kerajaan tetap berpegang kepada ajaran Islam dan berpandu kepada RUKUNEGARA. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak lupakan betapa perlunya diadakan satu tinjauan semula tentang pencapaian dalam soal rohani ini. Tindakan tegas sedang diambil untuk meninggikan taraf pelajaran agama. Semangat Islam (Spirit of Islam) akan menjiwai semua rakyat Islam di negara ini. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas mengatasi dan menghapuskan gejala-gejala yang didatangkan dari luar yang boleh meruntuhkan moral rakyat negara kita. Kita memerangi dadah kerana dadah juga mempunyai tujuan politik. Dadah digunakan untuk melenahkan semangat orang-orang Melayu supaya kita menjadi bangsa yang khayal. Kita berusaha menghapuskan pengaruh kebudayaan barat dengan menyuburkan kebudayaan asli kita. Pemuda dan Wanita UMNO, mestilah turut memerangi gejala ini dengan semangat dan kekuatan yang penuhy

Saudara sekalian,

25. Dinilai dari perspektif yang luas, negara kita telah mencapai kejayaan dalam banyak lapangan.. Tetapi lebih banyak lagi perlu dijayakan. Penyertaan setiap warganegara dikehendaki, supaya segala rancangan Kerajaan, mendapat sambutan baik. Bukan dingin atau "Negative". Semua gulungan hendaklah merasa terlibat, dalam semua aktiviti dan gerakan, untuk mencapai keharmonian, ketenteraman, dan kemakmoran negara kita, disinilah perlunya tiap-tiap ahli UMNO, Pemuda dan Wanita, memainkan peranan sebagai penganjur dan penggerak. Masyarakat berbilang bangsa hendaklah dilibatkan supaya mereka tidak menjadi pemerhati

atau duduk atas pagar. Kerajaan sentiasa memainkan peranan sebagai pengimbang untuk memastikan bahawa perbezaan dan pembahagian pendapatan yang tidak seimbang tidak terlalu ketara antara yang berada dan tidak berada; antara kaum, antara bidang pekerjaan, antara kawasan bandar dan luar bandar, dan antara satu negeri dengan negeri yang lain. Semua tujuan dan matlamat ini, boleh dicapai selagi ada semangat kejujuran, kerjasama dan pengorbanan dari segenap lapisan rakyat. Dan perkara ini perlu dilaksanakan supaya keretakan tidak berlaku.

Saudara-saudara,

26. Dalam soal ideloji, sebagai ganti kepada semangat perjuangan 1946, pada hemat saya, Perlembagaan UMNO, sudah lengkap. Mungkin pendekatannya secara baru, yang lebih dinamis diperlukan untuk zaman ini. Namun demikian, kita perlu melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran masa depan. Dalam zaman sains dan teknologi ini, keutamaan dan kewajipan kita ialah untuk meresapi segala bidang pengetahuan dan pelajaran. Jika sebahagian besar dari angkatan muda mencapai tujuan ini, dengan bangga, kita boleh menghadapi cabaran masa depan dengan penuh keyakinan. Perlulah kita menyesuaikan atau merubah sikap - attitudinal change - dan menentukan apa yang benar-benar penting, sesuai dengan kehendak zaman.

Saudara-saudara,

27. Pergolakan yang berlaku sekarang, menunjukkan satu gejala yang 'rational'. Ita menunjukkan bahawa orang Melayu bukanlah satu masyarakat yang 'passive'. Masyarakat kita bukanlah satu masyarakat yang statik, yang tidak bergerak dengan masa. Tetapi ia membuktikan juga kita adalah satu masyarakat yang sudah sedar, yang bertanggungjawab. Pemimpin parti dan Wakil Rakyat tidak boleh dianggap sebagai gembala sekumpulan kambing ataupun sebagai Santa Claus. Mereka adalah penganjur satu masyarakat rakyat yang sedar akan tanggungjawab dan hak mereka masing-masing.

Tetapi, dalam mencapai matlamat negara - jangka pendek dan panjang, soal keselamatan dan ketenteraman negara perlu diutamakan. Janganlah atas nama kebebasan, seorang itu boleh bertindak tanpa batasan.

Perbuatan seperti ini menimbulkan chaos dan anarchy dan menghancurkan negara. Tiap-tiap satu tugas yang diberi mestilah dipertanggungjawabkan supaya tindakan yang diambil, tidak menimbulkan keadaan yang membawa kepada perpecahan dan kelemahan parti, kesetabilan parti dan perpaduan ahli UMNO, menjadi perkara yang mesti sama-sama dijaga. Ahli-ahli parti hendaklah mengawasi supaya anasir yang cuba memecah-belahkan perpaduan dan keamatan, dipencilkan. Dan saudara mesti yakin, berorganisasi maknanya mengatur tata tertib kehidupan dan perjuangan bagi menguatkan perjuangan. Berorganisasi ertinya menjauhkan perpecahan, dan tindakan sewenang-wenang. Berorganisasi bererti membenarkan kepentingan diri sendiri, tetapi mengutamakan kepentingan cita-cita dan perjuangan. Dalam organisasi, kita mesti mengurangkan perasaan, mengurbankan hawa nafsu sendiri. Keinginan dan kepentingan diri sendiri hendaklah disalurkan ke dalam kepentingan bersama, iaitu kepentingan cita-cita, dan ideologi parti kita, UMNO.

Saudara-saudara,

28. Kerajaan, sebagai pembawa dan penyibar keadilan dan kebajikan (purveyor of justice and welfare) tetap memastikan bahawa kepentingan perseorangan atau golongan kecil, tidak mengatasi kepentingan rakyat jelata yang terbanyak. Parti dan Kerajaan mengamalkan perpaduan menerusi perimbangan. Kita telah mencapai kemajuan. Tetapi kita masih mendapati rakyat luar bandar memerlukan pembelaan. Kemiskinan masih meluas, di antaranya disebabkan oleh kurangnya tanah hakmilik atau mereka tidak mempunyai tanah yang cukup. Satu dasar baru tanah negara untuk membolehkan petani memiliki tanah sendiri akan diadakan. Bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan bahawa dasar ini dilaksanakan dengan saksama dan adil. Negara kita bersifat heterogeneous, atau berbilang kaum dan kepercayaan. Kenyataan ini harus diterima dan tidak boleh dielakkan. Namun demikian, setiap kita mesti menyedari bagaimana Perlembagaan Negara digubal dan dipersetujui. Kita hendaklah tunduk pada hakikat

bahawa perlembagaan diterima kerana adanya persefahaman dan rasa tolak ansur di kalangan pemimpin kita, semua kaum. Untuk masa depan kita hendaklah meninjau ke belakang, berpandu dari sejarah, supaya kita dapat pastikan kelemahan kita diatasi menerusi perubahan tertentu. Dan apa yang hendak capai adalah sebagai ekoran dari persetujuan yang telah diambil di masa lampau.

Saudara sekalian,

29. UMNO merupakan tulang belakang Barisan Nasional; UMNO adalah teras politik dan Bangsa Melayu Teras kepada negara. Ramai mentafsirkan bahawa pemimpin yang menguasai UMNO, mereka juga menguasai parti dan seterusnya kerajaan. Jika hakikat ini diakui kebenarannya, mustahaklah setiap ahli yang kasihkan UMNO, termasuk Pemuda dan Wanita, supaya menjaga keutuhan parti, memperkukuh dan memperkuatkan landasannya, menuju kepada perpaduan negara. Pemuda dan Wanita perlu menentukan pemimpin itu terdiri dari yang jujur dan dedikasi. Dalam sebarang tindakan, perlulah kita mengambil perhitungan, menyediakan persiapan dan merapatkan barisan menghadapi sebarang kemungkinan dan keadaan yang mencabar dalam parti kita.

Saudara sekalian,

30. Pada masa ini, timbul atau sengaja ditimbulkan rasa bimbang dalam kedudukan politik negara kita. Gulungan Kominis menggalakkan hal ini supaya rakyat ragu-ragu dengan kekuatan dan kemampuan Kerajaan. Anasir anti-nasional mahu keadaan ini supaya boleh menimbulkan kekacauan. Gulungan yang bernafsu besar mahu supaya keadaan ini melemahkan pimpinan parti dan Kerajaan. Sebenarnya, UMNO telah memimpin bangsa Melayu dan seluruh negara secara dinamis, kerana Pemuda dan Wanita adalah tenaga kerjanya. Dalam apa hal juga, kita sedar tentang adanya perbuatan jahat ini. Pimpinan parti dan Kerajaan tidak rela dengan sebarang perbuatan melemahkan Kerajaan dan akan menentang dengan sungguh-sungguh.

Saudara sekalian,

31. Tempoh ini, merupakan period yang penting kerana kita akan menentukan haluan parti kita untuk tiga tahun akan datang. Kita juga akan memilih pemimpin baru untuk Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Demam dan lobby perebutan untuk jawatan dalam Majlis Tertinggi ini telah menjadi sangat hebat, hingga menarik perhatian dalam dan luar negeri.

32. Kita semua maklum, pemilihan untuk jawatan Tertinggi UMNO tahun ini, agak lebih mendebarkan hati, daripada tiga tahun lalu. Sebab utama ia lebih menggetarkan ialah kerana kedudukan parti kita yang kuat, yang belum pernah tercapai dalam sejarah parti dan negara kita. UMNO dan Barisan Nasional ialah parti yang berkuasa. Bukan saja berkuasa, tetapi parti kita terbukti kuat, berpengaruh dan paling setabil serta padu. Salah satu kesan dari kedudukan parti yang kuat ini ialah pemimpin yang terpilih dalam pimpinan parti, dengan sendirinya menikmati kedudukan kuat. Inilah rahmat yang dirasakan, bukan saja oleh pemimpin itu sendiri, tetapi juga oleh setiap anggota parti kita.

33. Sudah sewajarnya jawatan tertinggi parti jadi rebutan. Dengan itu, saudara tentu sekali sudah tahu dan menilai sendiri mana pemimpin sejati dan layak dijadikan ikutan dan tumpangan. Yang Amat Berhormat Tun Presiden, telah menyebut perlunya ahli membezakan antara batu dan permata. Dan memetik kata seorang pujangga: Dalam menilai pemimpin, khasnya orang politik, yang terpenting bukannya apa yang dibuatnya, tetapi apa yang disembunyikan, What is important, is not what he does, but what he hides! Inilah adalah tugas saudara yang penting pada hari esok.

34. Bagi kami, dalam pimpinan parti, kami menyedari benar-benar masalah ini. Pimpinan parti memerlukan yang jujur, yang ikhlas, dedikated dan yang taat setianya tidak berbelah bagi kepada parti dan rakyat. Dalam ucapan saya tahun lepas, saya telah mengutarakan Kepimpinan Yang Luhur. Semakin parti kuat dan berpengaruh, semakin mendesak masalah yang dihadapi - - - iaitu memerlukan pemimpin yang tahan uji, yang dedikated, yang tidak

rasuah, di segenap peringkat. Bukan saja kita memerlukan pemimpin demikian, demi kepentingan masa depan parti, tetapi juga demi kepentingan masa depan negara kita. Sebabnya: kita berupa parti yang berkuasa, yang diamanahkan oleh seluruh rakyat, dari segala kaum dan keturunan, untuk mengendalikan negara dan menentukan nasib masa depan mereka.

³⁵
36. Pemimpin UMNO, bukanlah jadi pemimpin ahlinya saja tetapi ia adalah pemimpin kebangsaan dan pemimpin negara. Hakikat inilah yang harus kita ingat. Perjuangan UMNO, sebagai komponen Barisan Nasional telah berubah begitu besar, dari babak menentang dan menghancurkan Malayan Union kepada perjuangan mencapai dan mengisi kemerdekaan iaitu mempertinggi taraf hidup rakyat menebuskan ketinggalan bangsanya sendiri, menjadi contoh tauladan kepada negara lain, di rantau ini. Pendeknya, ini satu peranan dan tanggungjawab yang tidak termimpi oleh kita semua, sepuluh atau dua puluh tahun dulu. Kita memerlukan pemimpin seperti ini, kerana hanya leadership yang jujur, dedikated dan bersih peribadinya, yang mendapat keyakinan dari ahli UMNO. Dan yang lebih penting sekali, ialah kepercayaan dan keyakinan seluruh rakyat negara ini kepada mereka.

Saudara-saudara,

36. Ada orang bertanya, lepas Tun Razak siapa? Perkara seperti ini tidak sepatutnya dihebohkan kerana kalau terlalu heboh, boleh menimbulkan perasaan tidak tenang dan tidak tenteram di kalangan rakyat. Pemimpin tidak boleh dibuat-buat, seperti kita membuat rumah. Pemimpin tidak muncul, semata-mata dengan mendewa-dewakannya. Nilai Pemimpin bukan kerana ia bersifat Robin Hood Moden. Sebenarnya, pemimpin yang bakal mewarisi tempat kami, sudahpun ada. Mereka, telah sedia lahir. Telah sedia bergerak iaitu di tengah-tengah rakyat, dari kalangan ahli UMNO dan pemimpin UMNO sendiri - - - ditengah-tengah saudara sekalian, Pemuda dan Wanita. Dan tentu pula, mereka akan lahir dari jenerasi baru, yang sekarang dilatih, dididik, serta diuji. Parti kita memberikan sepenuh peluang kepada jenerasi muda membuktikan kejujuran, kejaguan, keyakinan dan kehandalan mereka menjadi pemimpin, dalam semua bidang. Kita memerlukan tenaga muda sebab mereka memberi kesegaran kepada parti kita.

37. Parti merangkum golongan yang berbagai aliran fikiran, yang berbagai jenis asalkan tunduk kepada dasar perjuangan parti. Base atau asas serta tapak kita menegakkan parti tidak sempit, tetapi amat luas sekali, kerana itu wajarlah kalau ada berbagai fikiran dan pandangan dalam parti mengenai berbagai masalah dan issue.

Saudara sekalian,

38. Alhamdulillah, pemimpin yang telah diamanatkan dengan kepercayaan dan keyakinan untuk mengendalikan negara, ialah mereka yang terbukti jujur dan dedikated kepada kewajipan dan tanggungjawab. Pemimpin parti tidak harus memancarkan watak parti saja, tetapi juga watak negara. Pemimpin UMNO sekarang memberikan keyakinan kepada rakyat dan kepada dunia bahawa negara ini dikendalikan oleh pemimpin yang moderate, tetapi jujur, dan mempunyai vision. Pemimpin melambangkan rakyat dan melambangkan negara. Kebetulan pula, perhatian besar ditumpukan pada Perhimpunan Agung kita untuk mencari dan melihat hasil siapa pemimpin dan apa pula dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dan parti di masa depan. Sudah tentu, setiap keputusan yang kita buat, dalam Perhimpunan ini, akan diteliti dikaji dan ditafsirkan oleh rakyat dan oleh dunia kerana keputusan kita menyentuh dan mempengaruhi kehidupan mereka.

39. Siapakah yang akan kita pilih sebagai pemimpin juga akan diuji, diteliti dan ditafsirkan kerana pilihan itu akan memberikan 'leadership trend', masa depan. Perlulah disedari bahawa keputusan dan pilihan pemimpin bukan saja untuk ahli UMNO tetapi sebenarnya untuk rakyat dari berbagai kaum serta golongan. Ia juga menyentuh kepentingan negara-negara di rantau ini. Kita patut juga memastikan bahawa apa yang lahir kelak daripada Perhimpunan ini dapat memperkukuh keyakinan seluruh rakyat terhadap parti kita. Dapat memberikan kesan dan pengaruh yang munafaat kepada keadaan dan kedudukan rantau ini. Tunjukkanlah kepada rakyat bahawa kita tidak menghampakan mereka. Dan sesungguhnya kita merasa bertanggung jawab